

Kamus Peribahasa Melayu Digital yang Pertama

SUPYAN HUSSIN
DING CHOO MING
AFENDI HAMAT
ARBA'EYAH ABDUL RAHMAN

ABSTRAK

Ledakan maklumat dan perluasan dunia tanpa sempadan menuntut Dunia Melayu supaya turut sama membuat pacuan yang deras berwahanakan teknologi komunikasi dan maklumat supaya Dunia Melayu terus relevan dengan suasana semasa. Bahan-bahan digital mengenai dunia Melayu dan dalam bahasa Melayu di alam siber masih belum dapat dibanggakan. Sehubungan itu, Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM, telah mengorak langkah pro-aktif untuk menyelidik, mengumpul dan menyusun semula peribahasa Melayu, dan seterusnya menawarkan kamus digital peribahasa Melayu yang dapat dicapai di alam siber melalui <http://www.atma.ukm.my> dan www.atma.ukm.my. Sehingga kini, melalui projek penyelidikan yang dibiayai oleh UKM, ATMA telah berjaya menghasilkan satu sistem capaian atau enjin gelintar khusus untuk kamus peribahasa Melayu digital mengandungi 19,790 entri. Sistem capaian yang mengambilkira kehendak pengguna dan penyelidik ini menyediakan kemudahan pencarian yang tidak mungkin dapat ditawarkan media cetak. Lazimnya, peribahasa disusun mengikut abjad; tetapi format linear ini sukar untuk pengguna mendapatkan peribahasa atau maksud peribahasa yang diinginkan dengan segera. Proses pencarian menjadi lebih sukar jika pengguna ingin tahu sama ada terdapat peribahasa lain yang mempunyai maksud yang sama, dan menjadi lebih keliru lagi apabila satu peribahasa mempunyai dua maksud yang berbeza. Hingga kini belum ada sistem yang komprehensif dan mudah yang dapat digunakan untuk mencapai mana-mana peribahasa yang khusus maksudnya. Kertas ini membincangkan pembangunan kamus peribahasa Melayu digital yang pertama.

Kata kunci: Peribahasa Melayu, kamus, kamus digital, SQL server, Microsoft Access 2000, Active Server Pages (ASP 3.0), Micromedia Dreamweaver 4.0, carian Boolean, carian wild card

ABSTRACT

The explosion of information and broadening of borderless world demand the Malay World to move equally fast using information communication and tech-

nology, so that the Malay World is relevant with the current context. Digital materials on the Malay World and in the Malay language in the cyber world is yet to be proud of. The Institute of the Malay World and Civilization was proactive to research, compile and reorganize Malay proverbs, and later offer a digital dictionary of Malay proverbs that can be accessed in the cyber world at <http://www.atma.ukm.my> or www.atma.ukm.my. Currently, basing on a research project, sponsored by UKM, ATMA has successfully developed a search engine for this digital dictionary on Malay proverbs, which consist of 19,790 entries. The system, which takes into account users' and researchers' needs, offers an easy search feature that is unavailable in printed media. Normally, proverbs are arranged in an alphabetical order; but this sequential format makes it difficult for users to look for specific proverbs or the meaning of the proverbs quickly. The search process is even more difficult if users do not know whether there are other proverbs that carry the same meaning, and users may become more confused when one proverb carries two different meanings. Till today, there has never been any comprehensive and friendly system ever used to access specific proverb or the meaning of the proverb. This paper will discuss the development of the first digital dictionary of Malay proverbs.

Key words: Malay proverbs, dictionaries, digital dictionaries, SQL server, Microsoft Access 2000, Active Server Pages (ASP 3.0), Micromedia Dreamweaver 4.0, Boolean search, wild card search

PENGENALAN

Peribahasa Melayu yang meliputi simpulan bahasa, bidalan, perbilang, petiti, dan perumpamaan adalah sebahagian daripada warisan orang Melayu yang bukan sahaja perlu dipelihara, tetapi juga diperkayakan dalam memartabatkan bahasa Melayu. Walaupun ia boleh mengindahkan lanskap bahasa dalam karangan, ucapan, skrip drama dan kertas kerja, tetapi penggunaannya bergantung pada latarbelakang dan minat pengguna masing-masing. Sehingga kini, sukar dipastikan jumlah sebenar peribahasa Melayu dalam perbendaharaan bahasa Melayu. Walaupun ada kira-kira 300 buah peribahasa Melayu yang sudah diterbitkan di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei, setiap buku itu cuma mempunyai bilangan entri yang terhad. Walaupun keterbatasan itu membuat pelajar, guru, penerbit atau penyelidik sukar mengkaji peribahasa dengan lebih terperinci, kamus peribahasa yang diterbitkan itulah juga selalu dicari-cari untuk mendapatkan maksud dan susunan peribahasa, simpulan bahasa, bidalan, misalnya, yang dikehendaki. Buat masa ini, sebilangan besar kamus peribahasa disusun mengikut abjad. Susunan secara linear itu membuat pencarian entri dan maksud peribahasa yang dikehendaki dengan segera itu menjadi sukar. Banyak masa perlu dihabiskan untuk membelek kamus itu dari satu halaman ke

satu halaman yang lain, walaupun ada indeksinya. Indeks itu tidak banyak menolong kerana ada banyak peribahasa mempunyai makna yang sama, apatah lagi yang hampir-hampir sama, selain banyak peribahasa, simpulan bahasa, bidalan dan lain-lain itu menggunakan perkataan yang sama.

Menyedari masalah itu perlu diatasi dengan segera, kami telah menyusun sebuah kamus peribahasa Melayu secara digital. Sehingga akhir tahun 2003, sebanyak 22,000 entri sudah dikumpulkan dan juga diintegrasikan dalam portal pengajian dunia Melayu yang boleh dicapai di Internet pada alamat url: www.malaycivilization.com, atau www.atma.ukm.my. Kesemua entri itu dikumpul daripada 20 buah kamus Melayu yang dianggap lengkap. Antaranya ialah *Kitab Kiliran Budi*, yaani *Beberapa Perumpamaan Melayu*. Singapura: Malaya Publishing House, 1961, Mohd Yusof Mustaffa: *Mestika Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1965; Sa'ad Shukri Haji Muda: *Mutiara Bahasa*. Kota Baru (tidak ada tarikh), Pamuntjak K. N. & Iskandar A. Madjoindi: *Peribahasa*, Jakarta: Balai Pustaka, 1953. Muhammad Din Ali: *Sambaan Cakap dan Pepatah Adat Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu, 1956. Abdullah Sidik: *Bunga Bahasa*. Singapura: Malaya Publishing House, 1961 dan Abdullah Hussein: *Kamus Istimewa*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1965. Kesemua entrinya sudah disemak maksudnya dan motifnya. Dengan menggunakan sistem capaian yang dibangunkan sekumpulan lima orang pelajar tahun akhir dari Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, UKM, untuk projek latihan ilmiah mereka pada tahun akademik sesi 2001/2002, *Kamus Digital Peribahasa Melayu* yang pertama ini boleh digunakan untuk mencari maksud, motif kesemua entri peribahasa yang terkumpul. Selain itu, kamus ini boleh digunakan untuk mengetahui bilangan peribahasa, simpulan bahasa, bidalan dan lain-lain yang menggunakan perkataan yang tertentu. Misalnya, “bunga”, “hujan”, “emas”, “batu”, “bukit” dan “langit”. Yang penting ialah kamus ini mudah digunakan, maka dikatakan “Mesra Pengguna” selain memberi keflexibelan yang tidak mungkin didapati daripada kamus analog. Ia juga boleh digunakan bila-bila masa di mana-mana sahaja asalkan ada talian Internet. Namun, untuk menggunakannya, pendaftaran menjadi ahli diwajibkan. Ini boleh dibuat dengan percuma dengan mengisi borang pendaftaran yang diberi dengan mengklik New User Sign-up. Masukkan “ID” dan “User Password” untuk membuka pintu kepada portal pengajian Melayu yang juga mempunyai banyak pangkalan data yang lain.

SOROTAN KAJIAN

Selain penyusunan kamus, tidak banyak kajian mengenai peribahasa Melayu telah dilakukan sehingga kini. Adalah diharapkan kamus digital ini dapat menggalakkan lebih banyak penyelidikan ke atasnya, memandangkan kesemua peribahasa yang hendak dicari itu boleh didapati dengan lebih mudah, cepat,

selain lebih sistematik dan komprehensif skopnya. Kajian yang dimaksudkan itu adalah seperti yang dibuat oleh Bahiyah Dato Hj. Abd Hamid & Hafriza Burhanuden (1998). Mereka membuat analisa mengenai faktor jantina dalam peribahasa Melayu dengan merujuk *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* yang disusun Abdullah Hussein (1993). Daripada 4,359 entri peribahasa dalam buku itu, ada 192 daripadanya mempunyai maksud yang berkaitan dengan wanita. Selain itu, mereka terus menghuraikan kesan pemikiran barat dan ideologi semasa yang mempengaruhi penciptaan peribahasa berkaitan dengan wanita. Pada asasnya, kajian itu yang mengemukakan analisa faktor wanita dalam peribahasa Melayu berdasarkan “kemanusiaan”, “bermoral” dan “tidak bermoral” itu membuat kesimpulan bahawa sebahagian peribahasa Melayu mengenai wanita mempunyai unsur sindiran yang didapati berat sebelah, malahan berbau menghina, sedangkan yang lain berunsur pujian dan penghargaan.

Selanjutnya, ingin dilihat penyusunan beberapa kamus peribahasa yang umum. Antaranya ialah yang diusahakan Saad Shukry H. Muda (tanpa tarikh) yang telah mengumpul 1,853 buah simpulan bahasa, sementara Darus Ahmad (1956) telah mengumpul 2,061 buah peribahasa, Md Yusuf Harun (1965) mengumpul 1,425 buah, A. Aida & Nur Sakinah (1996) mengumpul hampir 400 buah peribahasa dan Suradi Parjo (1989) pula mengumpul 508 buah peribahasa. Kesemua kamus kecil itu, cuma memberi maksud setiap simpulan bahasa dan peribahasa yang disusun berabjad. Setelah menggunakan kamus-kamus tadi, perhatian kita akan tertarik kepada usaha Mohd Tajuddin Haji Abdul Rahman (1984). Walaupun cuma mempunyai kira-kira 200 peribahasa/simpulan bahasa dengan makna setiap satunya, beliau telah menunjukkan contoh peribahasa yang berkenaan digunakan dalam karangan dan ucapan. Setiap peribahasa itu telah juga dijelaskan pengajaran atau hikmat yang boleh dipelajari darinya. Yang lebih menarik lagi ialah usaha yang dilakukan A. Samad Idris (1989). Selain memberi maksud dan contoh penggunaan kepada 300 buah yang dikumpul, beliau telah juga menyertakan ilustrasi/lukisan dan ulasan setiap peribahasa itu. Namun, penyusunan peribahasa dalam kamus oleh A. Samad Idris itu tidak mengikut sistem.

Selain itu, Othman Sulaiman (1989) dan Amran Y.S. Chaniago (1996) menyusun kamus peribahasa berdasarkan perkataan yang popular. Susunan kamus mereka juga berabjad. Bezanya kamus ini dengan yang lain-lain ialah disenaraikan penggunaan perkataan entri dalam kepelbagaian konteks. Misalnya, penggunaan perkataan “abadi” dalam konteks “kekal abadi”, “abadi selalu” dan “tetap abadi”. Untuk perkataan “belut”, terdapat penggunaannya dalam konteks “Bagai memukat belut”, “Bagai memukat anak ayam”, “Bagai belut pulang ke lumpur” dan “Bagai belut kena ranjau”. Penyusunan seumpama itu banyak membantu pembaca mengetahui penggunaan peribahasa yang tertentu dalam konteks yang spesifik.

Sehingga kini, penyusun kamus peribahasa Melayu yang paling aktif dan prolific tidak lain daripada Abdullah Hussain (1975, 1991). Namun demikian,

kamus susunan Hassan Hamzah (1997) adalah yang kamus cetak yang paling besar. *Peribahasa Ensiklopedia* yang disusunnya mempunyai kira-kira 16,000 entri. Selain disusun berajad, beliau telah juga menyenaraikan kata-kata yang digunakan dalam peribahasa, simpulan bahasa, pepatah, perbilangan dan bidalan. Beliau juga memberi makna perkataan lama yang jarang diketemui.

PROSES PENGUMPULAN DATA

Data untuk kamus digital ini sudah mula disusun Ding Choo Ming sejak awal 1980-an dalam kad 3" × 5". Sebanyak kira-kira 10,000 buah peribahasa, simpulan bahasa, bidalan, perbilangan, perumpamaan dan pepatah telah dikumpulnya daripada 10 buah kamus seumpama itu yang diterbitkan di Malaysia, Indonesia dan Singapura, antara tahun 1950-an hingga 1980-an. Setelah beliau dipinjamkan ke ATMA pada April 1999, lebih-lebih lagi setelah mendapat geran penyelidikan IRPA, Arba'eyah telah dilantik sebagai pembantu penyelidik untuk memasukkan entri peribahasa yang terkumpul itu ke dalam komputer dengan menggunakan *MS Word*. Pembantu penyelidik itu dikehendaki juga mengedit ejaan, memastikan tidak ada entri duplikasi dan setelah disemak pertindihan peribahasa dan penyemakan, data-data ini dipindahkan dalam perisian *MS Access* untuk pembinaan struktur data sebagai persediaan kepada pembangunan pangkalan data peribahasa. Setiap peribahasa dimasukkan dalam kategori tertentu. Oleh kerana ada di antara peribahasa yang mempunyai maksud yang boleh digunakan dalam beberapa konteks, terdapat peribahasa yang mempunyai kategori lebih dari satu. Misalannya, peribahasa "sambil menyelam minum air" mempunyai dua kategori: usaha dan motivasi.

Sebahagian daripada peribahasa ini juga ada disebutkan dalam dua atau tiga bentuk yang berbeza kerana ada peribahasa yang dianggap sebagai kiasan dan ada juga yang bidalan atau perumpamaan, contohnya: "bagai pagar makan padi", "pagar makan padi", "harapkan pagar, pagar makan padi". Begitu juga dengan pepatah boleh terhasil dari simpulan bahasa, misalannya "patah kemudi" adalah simpulan bahasa tetapi boleh dikembangkan menjadi pepatah "patah kemudi, perahu hanyut". Penyelidik bersepakat untuk mengekalkan bentuk-bentuk ini walaupun sesuatu peribahasa yang sama itu muncul dua atau tiga kali dalam senarai pangkalan data yang dibina.

Setelah data disusun mengikut struktur yang dicadangkan, sekumpulan pelajar (Cik Arifah Fasha Rosmani, Cik Nurzakina Zakaria, Cik Hamidah Mohamad Ali, Cik Fadilah Md Saat dan Encik Mohd Suhaimi Umar) dari Fakulti Teknologi Sains Maklumat, UKM, telah dipilih untuk membantu memprogramkan data-data dalam bentuk pangkalan data dan membangunkan enjin gelintar yang sesuai bagi sistem peribahasa digital ini. Penglibatan kumpulan pelajar adalah merupakan sebahagian dari tugas kursus TP/TH 3085 yang diikuti di fakulti berkenaan.

PEMBANGUNAN KAMUS DIGITAL PERIBAHASA MELAYU

Pangkalan data peribahasa Melayu dalam kamus digital ini dibina dengan menggunakan perisian *Microsoft Access 2000* pada mula-mulanya. Perisian itu telah dinaiktaraf dengan *SQL Server* yang mempunyai kuasa pemprosesan yang lebih tinggi dan lebih laju setelah datanya meningkat kepada 19,790 entri.

Keistimewaan yang paling ketara kamus digital ini ialah keupayaannya memaparkan peribahasa mengikut peribahasa, maksud dan kategori peribahasa yang dikehendaki dengan pantas. Lihat Lampiran 1. Ini bermakna semua entri dalam kamus ini boleh dijejaki sama ada berdasarkan maknanya atau kategori yang dikehendaki pengguna masing-masing. Dengan kata lain, kamus yang didapati bukan sahaja mesra-pengguna, tetapi juga mampu memenuhi permintaan pengguna yang berbeza-beza itu mempunyai keistimewaan yang tidak terdapat dalam kamus peribahasa bercetak.

SISTEM CAPAIAN/ENGIN GELINTAR

Kelebihan atau keistimewaan yang disebut tadi itu disebabkan sudah dibangunkan sistem capaian atau enjin gelintar yang khusus yang membolehkan proses pencarian peribahasa, maksud, kategori dan indeks kata akar setiap peribahasa. Sistem capaian yang dimaksudkan itu telah dibangunkan dengan menggunakan teknologi *Active Server Pages (ASP 3.0)* dan *Internet Information Server (IIS5)*. Setelah digabungkan teknologi *Micromedia Dreamweaver Unltradev 4.0* yang menyediakan format kerangka laman, sistem capaian yang dibangunkan ini telah membolehkan pengguna membuat carian bebas dengan parameter yang berikut:

- i. Semua perkataan (All Words – AND)
- ii. Sebarang perkataan (Any Words – OR)
- iii. Frasa (Exact Phrase – EXACT)

Setelah memasukkan kata akar dalam bahasa semula jadi (*natural language*) di dalam kotak yang disediakan, pengguna bebas memilih opsyen “peribahasa”, “maksud” atau “kategori” dengan klik “cari”. Proses pencarian selanjutnya akan dilakukan sistem capaian yang menggunakan parameter yang tersebut tadi. Misalnya, jika ditaip perkataan “berani” dan memilih opsyen “peribahasa”, akan ditunjukkan kesemua entri peribahasa, simpulan bahasa, bidalan, pepatah dan perbilangan yang mempunyai perkataan “berani”. Jumlahnya ialah 46. Tetapi jika dipilih opsyen “maksud”, akan dipaparkan 139 entri yang mempunyai maksud “berani”. Selanjutnya, jika dipilih opsyen “kategori”, sebanyak 94 entri tentang “berani” akan dipaparkan. Dengan pemaparan itu, terpulanglah kepada pengguna untuk mencari peribahasa mana yang dikehendaki. Ini boleh dilakukan dengan melayari paparan demi paparan di skrin. Lihat Lampiran 1.

Selain itu, kamus digital ini juga menyediakan indeks kata akar. Berpandukannya, pengguna boleh klik pada hypertexts yang diberi untuk mendapatkan entri peribahasa yang dikehendaki. Pencarian dengan memilih kata akar atau kategori yang disediakan itu mudah dan cepat daripada menaip perkataan.

LANGKAH SETERUSNYA

Sebanyak 500 peribahasa daripada kamus ini telah dipilih untuk projek rintis menggabungkan elemen multimedia: grafik, video, animasi, dan suara. Kesemua 500 peribahasa itu diprogramkan dalam CD-ROM kerana diyakini elemen multimedia itu dapat memberi gambaran dan ilustrasi maksud peribahasa dengan lebih baik berbanding dengan penerangan tekstual. Pengintegrasian elemen-elemen multimedia seperti grafik, animasi dan video adalah juga untuk memantapkan kamus peribahasa digital ini agar dapat menjelaskan maksud peribahasa dengan lebih baik dan berkesan. Ini juga disebabkan ada sesetengah peribahasa yang sukar difahami maksudnya lagi sekarang, kerana suasana peribahasa itu dicipta masa dahulu sudah berbeza dengan suasana sekarang. Selain itu, banyak kata dalam peribahasa juga sukar difahami kerana jarang dipakai dalam perbualan harian masa kini. Berpandukan ilustrasi daripada elemen multimedia, generasi muda masa kini yang sudah tidak memahami konteks penciptaan peribahasa itu akan menghargai keistimewaan peribahasa dalam kehidupan mereka. Sehubungan itu, satu glosari perlu disediakan untuk meliputi kata-kata lama dalam peribahasa yang tidak difahami generasi muda masa sekarang.

Dalam langkah permulaan, 100 grafik/illustrasi dan 40 animasi akan disediakan. Untuk tujuan pencapaian peribahasa, telah digunakan perisian *SpyCD* kerana ia boleh menawarkan pilihan yang dikehendaki, seperti yang tersebut di bawah ini:

- i. Membezakan huruf besar dan huruf kecil.
- ii. Carian Boolean (AND, OR, NOT).
- iii. Teknologi *wild card*, contohnya *ma** akan menghasilkan semua perkataan yang bermula dengan 'ma' seperti makan, malam dan manis.
- iv. Antaramuka menggunakan perisian penyusuran web seperti *Internet Explorer* dan *Netscape*.
- v. *Word-highlighting* untuk pengguna yang menggunakan *Internet Explorer 4* dan versi selepasnya.

Sistem capaian *SpyCD* akan membantu pengguna mencari peribahasa yang diperlukan dengan sistematis dan cepat.

Selain itu, kamus peribahasa digital ini perlu diperluaskan penggunaan dan pemasarannya. Untuk itu, beberapa perkara boleh dilakukan:

- i. Mengadakan kerjasama atau persefahaman dengan Kementerian Pendidikan supaya koleksi ini dapat digunakan di sekolah-sekolah bagi membantu meningkatkan kualiti kemahiran berbahasa di kalangan pelajar.

- ii. Menyediakan khidmat nasihat kepada pihak yang memerlukan seperti penerbit majalah, akhbar, filem, syarikat penyiaran, dan penulis-penulis ucapan.
- iii. Mengedarkan kepada masyarakat umum melalui rangkaian pemasaran.

KESIMPULAN

Dengan maklumat digital boleh diakses dengan lebih mudah dan cepat-berbanding dengan maklumat analog, maka kamus digital ini bukan sahaja akan merevolusikan hubungan antara manusia dengan komputer, tetapi juga menjadikan dokumen/ teks digital lebih baik daripada teks analog. Walaupun maklumat digital tidak akan menggantikan maklumat analog, tetapi fungsi maklumat digital sebagai pembekal maklumat akan berubah, lebih-lebih lagi dengan keghairahan generasi muda yang lebih kuat kepadanya. Ini bukan sahaja disebabkan ada banyak keistimewaan dari segi pencariannya, tetapi juga kosnya yang lebih murah. Dalam konteks baru itulah besar kemungkinan lebih banyak kamus digital akan diusahakan berbanding dengan kamus analog pada masa depan.

Tidak kira apa juga yang akan berlaku, kamus digital ini perlu dibesarkan lagi dengan menambah entri peribahasa baru dari masa ke masa, selain kesilapan dibetulkan dan contoh penggunaannya ditambah. Dengan berbuat demikian, lebih banyak orang dari segala lapisan masyarakat, baik di timur atau di barat, akan tertarik untuk menggunakannya. Kesemua usaha itu memerlukan geran baru untuk mendapatkan khidmat daripada pakar komputer dan pakar bahasa Melayu. Projek pembangunan kamus peribahasa Melayu digital ini tidak harus dipandang sebagai aktiviti mengumpul peribahasa semata-mata. Pengumpulannya mungkin mudah, tetapi penyusunannya dalam sistem pencarian berkomputer memerlukan kepakaran pengurusan maklumat (*information management*), kepakaran komputer (*computing skills*) dan kepakaran reka bentuk arahan (*instructional design*).

Walau bagaimanapun, kamus peribahasa digital ini besar manfaatnya dan sumbangannya kepada proses penyelidikan di bidang bahasa, linguistik, sejarah, sastera dan komunikasi. Kalau sebelum ini, proses capaian peribahasa agak lambat dan sukar, kini banyak masa dan tenaga boleh dijitamkan dengan adanya kamus digital peribahasa ini. Penjimatan masa dan tenaga itu akan membuat proses penyelidikan menjadi lebih cepat dan menyeronokkan.

PENGHARGAAN

Ini adalah kertaskerja yang telah dibentangkan di “Seminar Kebangsaan Bahasa dan Pemikiran Melayu: Kecemerlangan Melayu dalam Era Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)”, pada 18-19 Jun 2002, di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

LAMPIRAN 1




Paparan Pendaftaran Pengguna

Paparan Pencarian

Paparan Pencarian Peribahasa Yang Mengandungi Perkataan “berani” (46 dapatan)

Paparan Pencarian Peribahasa Berdasarkan Maksud “berani” (139 dapatan)



Paparan Pencarian Peribahasa Berdasarkan Indeks kategori/Kata Akar “berani”

RUJUKAN

- A. Aida & Nur Sakinah. 1996. *Kamus Simpulan Bahasa*. Kuala Lumpur: Alhidayah Publisher.
- Abdul Samad Idris. 1989. *Dengan 300 Pepatah*. Kuala Lumpur: Pustaka Budiman.
- Abdullah Hussain. 1975. *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1991. *Kamus Istimewa Simpulan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 1993. *Kamus Peribahasa Lengkap*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- _____. 1994. *Koleksi Peribahasa Cinta*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Amran Y.S. Chaniago. 1996. *Kamus Ungkapan dan Peribahasa Indonesia*. Bandung: CV Pustaka Setia.
- Bahiyah Dato' Abdul Hamid & Hafriza Burhanuden. 1998. Men and Women in Malay Proverbs: An Analysis of Malay Gender Ideology (148-158). Dalam *Kedudukan dan Citra Wanita dalam Sumber-sumber Tradisional Melayu*. Disunting oleh Sharifah Zaleha Syed Hassan & Rashila Ramli. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM.
- Darus Ahmad. 1956. *Kamus Peribahasa Melayu*. Pulau Pinang: Saudara Sinaran Berhad.
- Hasan Hamzah. 1997. *Peribahasa Melayu Global*. Kuala Lumpur: Perdana Pyramid (M) Sdn. Bhd.
- Hasan Hamzah. 1997. *Peribahasa Ensiklopedia*. Shah Alam: Anzagain Sdn. Bhd.
- K.St. Pamuntjak, N.St. Iskandar & A. Dr. Madjoundo. 1983. *Peribahasa*. Jakarta: PN Balai Pustaka.
- Mohd Adnan Mohd Ariffin. 1992. *Tikaman Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Tajuddin Haji Abdul Rahman. 1984. *Peribahasa dalam Penggunaan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Tajuddin Haji Abdul Rahman. 1991. *Kamus Umum Peribahasa*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Md. Yusuf Harun. 1965. *Ungkapan Lanjut*. Singapura: Pustaka Melayu.
- Othman Sulaiman. 1989. *Kamus Peribahasa*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Peribahasa dan Sinonim Malaysia*. 1994. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.
- Tenas Effendy. 1989. *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saad Shukry H. Muda. (tanpa tarikh). *Kamus Simpulan Bahasa*. Kelantan: Pustaka Dian Press.
- Sarwono Pusposaputro. 1991. *Kamus Peribahasa*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Sudari Parjo. 1990. *Peribahasa Warisan*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkiflee Yazid. 2000. *Kamus Mega Peribahasa*. Kuala Lumpur: Albaz Publishing and Distributions Sdn. Bhd.

Supyan Hussin
Felo Penyelidik Kanan
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
e-mail: supyan@pkrisc.cc.ukm.my

Ding Choo Ming
Felo Penyelidik Kanan
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
e-mail: chooming@pkrisc.cc.ukm.my

Affendi Hamat
Pensyarah
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
e-mail: fendi@pkrisc.cc.ukm.my

Arba'eyah Abdul Rahman
Pembantu Penyelidik
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
e-mail: arbaeyah77@yahoo.com